


SEMASA



melakaharini.my | melakatv.com



Peguam syarie Melaka meningkat

Norafiqah Jamal

AYER KEROH - Seramai 55 Peguam Syarie dan lapan penerima tauliah khas menerima Pentauliahkan Peguam Syarie Negeri Melaka 2025, 1 Disember lalu.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, pentauliahkan terbaharu itu menambah jumlah peguam syarie di Melaka kepada 593 orang setakat November 2025.

"Data terkini menunjukkan peningkatan ketara jika dibandingkan 2024 dengan 538 Peguam Syarie di Melaka yang direkodkan. Peningkatan ini menggambarkan perkembangan yang amat memberangsangkan

dalam ekosistem perundangan syariah Melaka.

"Angka ini jelas membuktikan bahawa profesion guaman syarie semakin diyakini dan terus relevan, malah menjadi tonggak penting dalam memastikan keadilan syariah ditegakkan secara profesional, berintegriti dan berkesan," katanya ketika berucap pada Perasmian Majlis Pentauliahkan Peguam Syarie Negeri Melaka 2025 di sebuah hotel, di sini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Azhar Arshad; Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri Datuk Rahmad Mariman; Mufti Negeri Melaka Datuk

Wira Abdul Halim Tawil; Ketua Pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Datuk Mohd Amran Mat Zai dan Ketua Hakim Syarie Melaka Azzeman Omar.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata Peguam Syarie amat diperlukan untuk menangani cabaran-cabaran landskap sosial melibatkan pelbagai isu berkaitan tidak bermoral dan bertentangan hukum syarak.

"Saya yakin pertambahan Peguam Syarie di Melaka ini dapat membantu menangani isu yang memerlukan penelitian serta tindakan undang-undang di bawah kerangka undang-undang syariah," katanya.



AB Rauf ketika menyampaikan tauliah kepada Peguam Syarie Negeri Melaka. Foto Pejabat Ketua Menteri

Melaka